

BAB 12 Sumber Air

Panduan RPH					
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
5.1 Sumber Air	5.1.1 Mengenal pasti jenis sumber air	Buku Teks m.s 134-135	Soalan 1	TP1 TP2 TP3 TP4	108
			Soalan 2		
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, rajah proses kitaran air, foto sumber air		—	Menganalisis		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		—	Kasih sayang, bertanggungjawab		
Cadangan PdPc					
1. Guru menerangkan kepada murid tentang jenis sumber air yang terdapat di Malaysia.					
2. Guru menunjukkan foto sumber air di Malaysia dan memberikan contoh sungai dan tasik yang menjadi sumber air di Malaysia.					
3. Guru menanyakan kepada murid tentang sumber air utama di kawasan petempatan masing-masing.					
4. Guru menerangkan kepada murid tentang proses kitaran air berdasarkan rajah dalam buku teks halaman 135.					
5. Murid menjawab soalan 1 dan soalan 2 dalam buku Power Up Geografi halaman 108.					
Panduan RPH					
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
5.1 Sumber Air	5.1.2 Menjelaskan dengan contoh punca krisis air di Malaysia	Buku Teks m.s 136-137	Soalan 3 Soalan 4	TP2 TP3 TP4 TP5	109
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, keratan akhbar, petikan tentang krisis air, lembaran kerja		Rally Table	Menganalisis		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		Peta buih	Kasih sayang, bertanggungjawab		
Cadangan PdPc					
1. Guru berbincang dengan murid tentang punca krisis air di Malaysia.					
2. Guru menerangkan setiap punca dengan memberikan contoh yang sesuai berdasarkan keratan daripada surat khabar, majalah atau artikel berkaitan dengan krisis air di Malaysia.					
3. Murid dibahagikan secara pasangan.					
4. Guru memberikan lembaran kerja kepada setiap pasangan yang mengandungi peta buih. Tajuk peta buih tersebut ialah “Punca Krisis Air di Malaysia”.					
5. Secara berpasangan, murid bergilir-gilir memberikan jawapan dengan menulis di atas lembaran kerja yang sama dan menggunakan pen yang sama.					
6. Kemudian, murid membandingkan jawapan dengan pasangan yang lain.					
7. Murid menjawab soalan 3 dan soalan 4 dalam buku Power Up Geografi halaman 109.					

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)					
5.1 Sumber Air	5.1.3 Membincangkan kesan krisis air di Malaysia	Buku Teks m.s 138-139	Soalan 5 Soalan 6	TP3 TP4	110
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, foto kesan krisis air		Rotating Review	Menilai		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		Peta pokok	Bertanggungjawab		
Cadangan PdPc					
1. Guru menerangkan kepada murid tentang kesan krisis air di Malaysia. 2. Guru menghubungkan sumber air dengan kesan yang berlaku akibat kegiatan manusia. 3. Guru menunjukkan foto-foto kesan krisis air di Malaysia. 4. Murid menjawab soalan 5 dan soalan 6 dalam buku Power Up Geografi halaman 110. 5. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 6. Secara berkumpulan, murid membincangkan kesan krisis air terhadap alam sekitar dan manusia. 7. Perbincangan setiap kumpulan dicatat di atas kertas sebak. 8. Kertas sebak tersebut dipaparkan di tempat kumpulan masing-masing. 9. Setiap kumpulan bergerak dari satu kumpulan ke kumpulan lain untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan. 10. Setiap kumpulan membuat komen dan idea tambahan pada kertas sebak berkenaan menggunakan pen yang berbeza. 11. Pada akhir pembelajaran, murid-murid berkongsi pengalaman tentang kesan catuan air di kawasan petempatan masing-masing.					

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)					
5.1 Sumber Air	5.1.4 Menerangkan langkah-langkah mengurangkan kesan krisis air	Buku Teks m.s 140-141	Soalan 7 Soalan 8 Soalan 9	TP5 TP5 TP6	111-112
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks		Gallery Tour	Menilai, mencipta		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		Peta bulatan	Bertanggungjawab, rasional		
Cadangan PdPc					
1. Guru menerangkan kepada murid tentang langkah-langkah mengurangkan kesan krisis air di Malaysia. 2. Guru berbincang dengan murid tentang penggunaan sumber air secara bijaksana. 3. Murid menjawab soalan 7 dalam buku Power Up halaman 111. 4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 5. Setiap kumpulan menghasilkan satu hasil kerja tentang langkah-langkah mengurangkan kesan krisis air di Malaysia menggunakan idea sendiri. 6. Hasil setiap kumpulan ditampal di atas meja untuk kumpulan lain melihat dan membacanya. 7. Kumpulan yang datang melawat memberikan komen berkaitan hasil kerja kumpulan asal. 8. Ahli kumpulan juga diarahkan oleh guru untuk berpecah sementara waktu untuk melihat hasil kumpulan lain pula. 9. Setelah kembali kepada pasukan asal, ahli kumpulan menceritakan pembelajaran yang diperolehi. 10. Murid juga menjalankan aktiviti (soalan 8 dan soalan 9) dalam buku Power Up Geografi halaman 112.					